

# **PENGENDALIAN LATIHAN SISWAZAH BAGI PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH YANG BOLEH MENGAMAL TETAPI MEMPUNYAI MASALAH KESIHATAN**

---

## **1. LATAR BELAKANG**

- 1.1 Semua Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) yang dilantik perlu menjalani 6 posting (5 posting mandatori dan 1 posting obligatori) dalam tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun.
- 1.2 Pendaftaran penuh boleh dipohon dari Majlis Perubatan Malaysia setelah tamat posting kelima, tertakluk kepada ketetapan Akta Perubatan 1971, Perkara 13 (2) iaitu:

*“Orang yang didaftarkan sementara hendaklah, sebaik sahaja didaftarkan sementara, menjalankan pekerjaan sebagai pegawai perubatan tetap dengan memuaskan hati Lembaga Kelayakan Perubatan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dalam suatu hospital atau institusi dalam Malaysia yang diluluskan oleh Lembaga tersebut bagi maksud pekerjaan itu; empat bulan daripada tempoh itu hendaklah dihabiskan dalam jawatan pembedahan tetap, empat bulan dalam jawatan perubatan tetap dan empat bulan dalam jawatan obstetrik dan ginekologi tetap; apabila tamat perkhidmatan yang memuaskan, sebagaimana yang diperakui oleh Lembaga Kelayakan Perubatan, di bawah perenggan ini, orang yang didaftarkan sementara itu berhak mendapat suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Majlis dalam borang yang ditetapkan sebagai keterangan mengenai hal itu.”*

## **2. TUJUAN**

- 2.1 Bagi PPS yang mempunyai masalah kesihatan selain masalah kesihatan mental, kelonggaran di dalam latihan siswazah boleh diberikan bagi tujuan supaya mereka dapat menamatkan latihan siswazah, sejajar dengan Akta Perubatan 1971, perkara 13 (4)

*“Jika, atas permohonan yang bermaksud sedemikian, seseorang memuaskan hati Majlis bahawa oleh sebab kehilangan upaya anggotanya yang berlarutan dia tidak akan dapat atau telah terhalang daripada memulakan, atau menyempurnakan apa-apa tempoh pengalaman dalam pengamalan pembedahan atau obstetrik dan ginekologi yang dikehendaki bagi maksud subseksyen (2), Majlis boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan supaya pemohon boleh bagi maksud itu mengira sebagai gantinya pengalaman dalam pengalaman perubatan (sebagai tambahan kepada apa yang dikehendaki selainnya*

*dalam halnya bagi maksud itu) yang diperoleh dengan cara sedemikian itu dan bagi tempoh sedemikian itu, atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi sekian lama daripada tempoh itu yang masih belum disempurnakan.”*

### **3. CONTOH-CONTOH KES**

#### **3.1 Dr. A**

- 3.1.1 Menghidap ‘*Chronic Kidney Disease secondary to IgA Nephropathy*’ yang didiagnosa semasa beliau di posting ketiga.
- 3.1.2 Semasa di posting keenam di Jabatan O&G, Pakar-Pakar telah memberi kerjasama dan memberi kelonggaran dalam menjalankan latihan siswazah beliau.
- 3.1.3 Pegawai telah diberikan Sijil Pendaftaran Penuh pada 22.11.2011.

#### **3.2 Dr. B**

- 3.2.1 Menghidap ‘*Severe type of Vasospastic Prinzmetal Angina*’ yang didiagnosa semasa beliau di posting keempat.
- 3.2.2 Pada masa ini, beliau berada di posting keenam di Jabatan Ortopedik di Hosp A. Dengan keadaan masalah kesihatan beliau, jika diberikan kelonggaran dari segi latihan, dapatlah beliau menamatkan latihan siswazah bagi memenuhi keperluan perkhidmatan dan Majlis Perubatan Malaysia.

### **4. CADANGAN PENGENDALIAN**

- 4.1 Setiap PPS yang mempunyai masalah kesihatan perlu dimaklumkan kepada MPM untuk Panel Penilaian Perubatan.
- 4.2 Tempoh masa PPS sedemikian untuk melengkapkan latihan tidak semestinya 4 bulan, tempoh latihan siswazah beliau boleh dipanjangkan, sekiranya atas faktor kesihatan beliau kerana memerlukan lebih masa untuk melengkapkan buku log dan memperolehi lain-lain kemahiran.
- 4.3 Berikan kelonggaran bagi PPS berkenaan sejajar dengan Akta Perubatan 1971, Perkara 13 (4) namun pendaftaran penuh mungkin diberikan “bersyarat”.
- 4.4 Sekiranya PPS tersebut gagal maka beliau perlu dilanjutkan dengan tempoh masa yang lebih fleksibel dan perlu juga dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Kelayakan Perubatan jika tempoh dalam satu-satu disiplin melebihi 8 bulan.